

﴿ KHUTBAH 5 ﴾

HIKMAH DISEBALIK PENGHAYATAN IBADAH ZAKAT (3)

Dr. Yusof Jasmin @ Joseph Gimbad

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنْجِي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah.....

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran [3] : 102)

Kaum Muslimin Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Dalam kesempatan pada kali ini, mimbar Jumaat akan membicarakan khutbah bertajuk “HIKMAH DISEBALIK PENGHAYATAN IBADAH ZAKAT.”

Ibadah zakat, disyariatkan oleh Allah s.w.t kepada kita, sepertimana ibadat-ibadat yang lain bertujuan menguji sejauhmana keimanan dan kepatuhan kita kepada Allah s.w.t, namun disebalik itu terkandung pula di dalamnya hikmah-hikmah yang memberikan kesejahteraan kepada umat manusia samada di dunia ini mahu pun di akhirat kelak.

Untuk kita memahami dan menyedari sejauhmanakah signifikannya ibadah zakat ini dalam kehidupan kita, maka marilah kita sama-sama meneliti semula antara hikmah-hikmah disebalik penghayatan ibadah zakat ini.

Pertama: Ibadah zakat memperkukuhkan semangat saling memerlukan, saling tolong menolong, saling melengkapi, memantapkan semangat persaudaraan (ukhuwah). Ibadah zakat juga, mewujudkan semangat kesalingan dalam masyarakat.

Ahli masyarakat yang kaya, memerlukan ahli masyarakat yang miskin untuk menerima zakat harta mereka, demikian juga yang miskin memerlukan orang

kaya untuk membantu mereka mencukupkan keperluan hidup mereka. Semangat kesalingan keperluan ini, akan mewujudkan suasana yang harmoni dalam masyarakat. Semangat kesalingan keperluan ini, akan menafikan perasaan iri hati, akan menafikan perasaan hasad dengki. Ini kerana, orang miskin akan sentiasa bersyukur kepada Allah, kerana mendapat rezeki daripada orang kaya dan kerana masih ada orang yang boleh membantu menyempurnakan hidup mereka. Orang kaya juga sentiasa bersyukur kepada Allah kerana melebihkan mereka daripada orang lain. Mereka bersyukur kerana diberi kesempatan oleh Allah, memiliki harta kekayaan dan mampu pula melaksanakan ibadat zakat sekaligus membolehkan mereka membantu orang miskin mencukupkan keperluan hidup mereka.

Keadaan inilah yang disebut dan digambarkan oleh Rasulullah dalam beberapa hadisnya, antaranya: Rasulullah s.a.w bersabda:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Maksudnya:

“Seorang mukmin terhadap mukmin lain bagaikan sebuah bangunan, sebagiannya menguatkan sebagian yang lain.”

(HR Muslim)

Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w bersabda pula;

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

Maksudnya:

“Perumpamaan kaum mukminin dalam hal kasih-mengasahi, rahmat-merahmati, dan cinta-mencintai adalah seperti satu tubuh. Bila suatu anggota tubuh sakit, seluruh anggota tubuh (yang lain) akan merasa tidak boleh tidur dan panas”.

(HR Muslim)

Kedua-dua hadis tersebut, menggambarkan bahawa masyarakat Islam yang menjadikan ibadah zakat ini sebagai wasilah untuk mensucikan jiwa dan membersihkan harta akhirnya akan menjadikan masyarakat Islam yang kukuh, bersatu dan berpadu, ibarat satu badan yang apabila ada bahagian yang sakit, maka kesakitan itu akan dirasakan oleh keseluruhan anggota badan. Demikian juga halnya keadaan masyarakat yang menjadikan ibadah zakat ini sebagai budaya, di mana apa yang dinikmati oleh orang kaya akan juga dirasakan oleh orang miskin, demikian juga apa yang dirasakan oleh orang miskin turut juga diinsafi oleh orang kaya.

Manusia yang tidak menundukkan hatinya untuk mengeluarkan zakat, akan sentiasa bersifat angkuh, dan merasakan dirinya sentiasa cukup. Orang seperti ini tidak akan ada perasaan kesalangan terutama sekali kepada ahli masyarakat yang miskin. Dia tidak merasakan orang miskin sebagai rahmat baginya, demikian juga dia tidak akan menyedari bahawa dia menjadi rahmat bagi orang miskin, malah dia merasakan orang yang miskin itu sebagai bebanan kepadanya. Orang seperti ini, adalah seperti yang digambarkan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَّاظٍ ﴿٦﴾ أَنْ رَأَاهُ مُسْتَقْنًى ﴿٧﴾

Maksudnya:

“Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya) dengan sebab ia melihat dirinya sudah cukup apa yang dihadapinya.”

(QS al-‘Alaq [96] : 6-7)

Dalam ayat yang lain Allah menjelaskan:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ وَلَوْ بَسَطَ اللَّهُ الرِّزْقَ لِعِبَادِهِ لَبَغَوْا فِي الْأَرْضِ وَلَكِنْ يُنَزِّلُ بِقَدَرٍ مَّا

يَشَاءُ ۚ إِنَّهُ بِعِبَادِهِ خَبِيرٌ بَصِيرٌ ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

“Dan kalaulah Allah memewahkan rezeki bagi setiap hamba-Nya, nescaya mereka akan melampaui batas di bumi (dengan perbuatan-perbuatan liar durjana); akan tetapi Allah menurunkan (rezeki-Nya itu) menurut kadar yang tertentu sebagaimana yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya ia mengetahui dengan mendalam akan segala keadaan hamba-Nya, lagi melihat dengan nyata.”

(QS al-Syura [42] : 27)

Demikianlah keadaannya, golongan manusia yang kikir ini, dan golongan yang tidak menyedari zakat itu sebagai satu ibadahnya kepada Allah, akan sentiasa cenderung menjadi orang-orang yang melampaui batas di dunia ini, malah boleh menjadi kufur kepada Allah s.w.t.

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan Sekalian.....

Hikmah yang kedua : Ibadah Zakat mewujudkan keseimbangan hidup dalam masyarakat. Keseimbangan yang diwujudkan oleh ibadah zakat, bukan sahaja dari segi keseimbangan perasaan pemberi dan penerima zakat tetapi juga, mewujudkan keseimbangan pengagihan kekayaan dalam masyarakat atau dengan kata yang lain, ibadah zakat ini menjadi satu kaedah dan wasilah untuk mengagih kekayaan. Seperti yang dinyatakan oleh al-Quran dalam surah al-Taubah, bahawa terdapat lapan asnaf yang berhak menerima zakat.

Firman Allah s.w.t:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ^ط فَرِيضَةً مِّنَ
اللَّهِ ^ط وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(QS al-Taubah (9): 60).

Jika diperhatikan lapan asnaf tersebut, boleh disimpulkan bahawa, mereka itu semuanya adalah kumpulan ahli masyarakat yang bersifat produktif dan sentiasa berusaha memajukan diri dengan berdasarkan kepatuhan kepada Allah. Kumpulan ini, disyariatkan untuk diberikan bantuan zakat apabila mereka itu menemui jalan kesukaran dan kebuntuan untuk mereka meneruskan usaha mereka membangunkan diri. Andaikata, kumpulan ini terbangun oleh sumbangan zakat, maka bukan sahaja mereka itu akan menjadi penyumbang semula kepada pembangunan institusi zakat tetapi juga, mereka akan turut serta sebagai pemangkin kepada pembangunan sebuah masyarakat dan negara.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah.....

Ini lah juga yang dimaksudkan oleh Allah s.w.t, dalam ingatan-Nya kepada kita manusia menerusi surah al-Hasyr:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ^ج

Maksudnya:

“Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.”

(QS al-Hasyr [59] : 7)

Ingatan ini adalah supaya kita melaksanakan ibadah zakat agar kekayaan di sesebuah negara tidak hanya berkisar di kalangan orang-orang kaya sahaja, malah sekiranya diurus dengan sebaiknya dan mematuhi perintah Allah, ia mampu menjadi agen pembangun ekonomi individu dan negara serta menjadi pengagih kekayaan dalam masyarakat tanpa sedikitpun mengurangi harta penyumbanganya.

Oleh itu dalam kesempatan ini, khatib menyeru kepada kaum muslimin sidang jemaah sekalian supaya kita sama-sama menjadikan zakat ini satu budaya dalam kehidupan kita. Malah saya mengajak diri saya sendiri dan sidang jemaah sekalian supaya kita sentiasa memperkukuh dan memperbaharui niat kita, setiap kali memulakan tugas harian dengan memasang niat untuk mengeluarkan zakat hasil dari usaha kita itu. Allah s.w.t akan membuka pintu rezeki-Nya kepada kita dari pelbagai sudut seperti mana yang dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam surah al-A'raaf.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya:

“Dan (Tuhan berfirman lagi) sekiranya penduduk negeri-negeri itu, beriman serta bertakwa, pastilah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami) itu, maka Kami timpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka usahakan.”

(QS al-A'raaf [7] : 96)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.